



BULAN BAHASA 2016: HELAIAN FAKTA

1. Tentang Bulan Bahasa

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2012, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan dan memberikan keyakinan dalam penguasaan bahasa Melayu.

2. Tema Bulan Bahasa 2016

Bulan Bahasa 2016 mengajak kita menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan meraih dan menyampaikan ilmu, memasyarakakan kemurnian adab dan budaya serta mengukuhkan jalinan kemesraan sesama kita.

Bahasa Melayu sebagai “Ilmu, Budaya, Mesra” mencerminkan kepentingannya bagi semua lapisan masyarakat. Oleh itu, gunakanlah bahasa Melayu agar ilmu dan budaya kita tetap terpelihara dan kemesraan terjalin ketara. Terlestarinya bahasa dapatlah kita mewariskannya kepada generasi sesudah kita.

3. Di mana dan bilakah pelancaran Bulan Bahasa 2016 diadakan? Apakah program-program yang menarik?

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2016 akan diadakan pada hari Sabtu, 3 September, di Muzium Negara Singapura dengan tetamu terhormat, Encik Ng Chee Meng, Pemangku Menteri Pendidikan (Sekolah) merangkap Menteri Negara Kanan, Kementerian Pengangkutan.

Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa akan memaparkan banyak program dan persembahan oleh rakan kerjasama di merata Muzium, perkongsian tentang sejarah Singapura oleh Rakan Bahasa, aktiviti-aktiviti oleh sekolah, serta demonstrasi silat sepanjang hari. Di sebelah petang, di laman Muzium Negara, konsert “Singa Maksima” dan “Konsert Kopratasa dan Rausyanfikir”

Bulan Bahasa 2016 turut akan melancarkan siri buku nota yang baharu. Buku-buku nota ini mengandungi tip bahasa dan syair yang boleh didapati di acara-acara Bulan Bahasa yang terpilih sepanjang bulan ini.

Acara-acara semarak Bulan Bahasa 2016 akan berakhir pada 15 Oktober 2016.

4. Bagaimanakah orang ramai boleh menyertai Bulan Bahasa 2016?

Orang ramai dijemput menyertai Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2016 di Muzium Negara Singapura pada 3 & 4 September 2016. Pelbagai permainan, persembahan dan aktiviti mengenai bahasa dan budaya Melayu akan diadakan.

Bulan Bahasa akan memaparkan pelbagai program untuk semua, tidak kira usia, yang telah dianjurkan oleh rakan-rakan kerjasama. Tentunya, terdapat program untuk menepati minat semua. Program-program ini termasuklah sesi berceirta oleh Majlis Pembangunan Pembukuan



Nasional Singapura, bengkel penulisan oleh Lembaga Perpustakaan Negara, persempahan teater oleh kumpulan-kumpulan persempahan seni, serta pelbagai pertandingan oleh beberapa Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di serata Singapura.